

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)www.ijlgc.comSOKONGAN BELIA TERHADAP BARISAN NASIONAL PASCA
PILIHAN RAYA UMUM KE-15 DI NEGERI KEDAHYOUTH GEOPOLITICS AND SUPPORT FOR BARISAN NASIONAL ON THE
POST-GE-15 IN THE STATE OF KEDAHNur Ellyanis Mohd Basori^{1*}, Junaidi Awang Besar²

¹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor
Email: p97279@siswa.ukm.edu.my

² Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor
Email: jab@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 10.02.2025

Revised date: 27.02.2025

Accepted date: 20.03.2025

Published date: 30.03.2025

To cite this document:

Basori, N. E. M., & Awang Besar, J. (2025). Sokongan Belia Terhadap Barisan Nasional Pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 Di Negeri Kedah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (39), 347-362.

DOI: 10.35631/IJLGC.1039024.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Barisan Nasional (BN) merupakan sebuah parti yang kuat dan tidak pernah kalah sejak memegang tampuk pemerintahan negara walaupun pernah menghadapi 'tsunami politik' pada PRU-12. Setelah enam dekad, parti itu dijatuhkan pada PRU-14. Ianya berpunca daripada kepimpinannya yang terlibat dalam politik perkauman, salah guna kuasa, rasuah, politik wang dan sebagainya yang menyalahi etika moral. Namun begitu, pada PRU-15 BN masih lagi sukar untuk kembali seperti sebelum ini namun ianya tetap mendapat sokongan banyak pihak setelah ramai yang merasakan pemerintahan Pakatan Harapan (PH) juga tidak dapat menyelesaikan isu-isu yang timbul. Geopolitik belia atau kuasa undi belia dilihat dapat mempengaruhi sokongan pengundi terhadap parti politik kerana mereka mewakili lebih 60 peratus pengundi di sesuatu kawasan dan menjadi penentu kemenangan parti politik. Justeru, adalah menjadi objektif penulisan artikel ini untuk menganalisis sokongan politik belia terhadap BN pasca PRU-15 di negeri Kedah. Berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan di lima buah parlimen di negeri itu untuk menganalisis faktor yang menyebabkan belia masih setia menyokong BN dan penjuangan parti itu untuk menghadapi PRU yang akan datang dan pejuangan yang dibuat oleh BN menjelang PRU akan datang.

Kata Kunci:

Barisan Nasional (BN), Faktor Sokongan, Pengundi Belia, Perjuangan BN, Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15), Politik Golongan Belia

Abstract:

Barisan Nasional (BN) is a strong party that has never lost since taking over the reins of the country's government despite facing a 'political tsunami' in GE-12. After six decades, the party was toppled in GE-14. This was due to its leadership being involved in racial politics, abuse of power, corruption, money politics and so on which violated moral ethics. However, in the 15th GE, BN still found it difficult to return to the way it was before, but it still received support from many parties after many felt that the Pakatan Harapan (PH) government was also unable to resolve the issues that arose. Youth geopolitics or the power of youth votes is seen to be able to influence voter support for political parties because they represent more than 60 percent of voters in an area and are the determinants of political party victory. Therefore, the objective of writing this article is to analyse youth political support for BN after GE-15 in the state of Kedah. Based on a questionnaire distributed in five parliaments in the state to analyse the factors that cause youth to still loyally support BN and the party's struggle to face the upcoming GE and the fight made by BN ahead of the upcoming GE.

Keywords:

Barisan Nasional (BN), Supporting Factors, Younger Voter, BN Struggles, General Election 15 (GE-15), Youth Politics

Pengenalan

Belia merupakan golongan yang penting dalam mewarisi aset negara. Oleh itu, pada peringkat ini golongan belia bukan saja menghadapi cabaran untuk membuat keputusan tetapi dalam mengambil tindakan. Disebabkan itu, golongan belia bukan saja mampu mengubah kehidupan mereka sendiri tetapi mampu mengubah kehidupan di sekeliling mereka (Junaidi et al. 2014; Gan & Noor Sulastry 2015). Dalam politik, golongan ini yang paling ramai terlibat dalam pengundian dan pilihan raya. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) jumlah pengundi belia adalah sekitar 5 juta orang manakala untuk pemilih kategori belia di negeri Kedah adalah melebihi 500,000 orang (Tuan Buqhairah, 2022). Malahan ianya membentuk geopolitik belia yang mana mereka ini berkuasa untuk menentukan nasib pemimpin dan parti politik yang bertanding dalam pilihan raya.

Pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) dan Pilihan Raya Negeri 2023 (PRN2023) telah menunjukkan bahawa golongan belia ini tidak banyak memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) di negeri Kedah. Hasilnya, BN tidak berjaya memenangi mana-mana kerusi parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri itu sebaliknya Perikatan Nasional (PN) yang dipilih kerana menerima sokongan yang padu dari penduduk negeri itu. Amirah Ruzanah & Nazri (2022) melihat isu-isu yang berlaku pada sebelum PRU-14 dahulu masih lagi diingati, politik perkauman yang diamalkan oleh BN, ketidakstabilan politik sehingga terjadinya 'Langkah Sheraton', pertukaran Perdana Menteri dan pengaruh media sosial menyebabkan golongan belia amnya telah beralih arah menyokong PN. Hal ini menunjukkan bahawa BN bukanlah parti yang menjadi pilihan rakyat khasnya golongan belia memandangkan imej itu telah tercalar. Oleh itu, BN perlu mencari formula untuk menarik minat golongan belia dalam memberi sokongan kepada mereka menjelang PRU akan datang memandangkan golongan ini menjadi penentu undi dalam menentukan kemenangan. Justeru

adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk melihat sokongan politik belia negeri Kedah terhadap BN pada pasca PRU-15.

Teori Pilihan Rasional

Teori pilihan Rasional telah dipopularkan oleh Downs (1957) yang mana beliau telah menyamakan tingkah laku pengundian dengan teori ekonomi. Ianya merupakan ketetapan dan garis panduan untuk memahami tingkah laku sosial dan ekonomi penduduk dalam sebuah kawasan atau ruangan yang ada. Menurut Marwan dan Supyan (2022), Downs telah menjelaskan bahawa pengundi yang rasional akan membuat pemilihan berdasarkan lima aspek iaitu mampu membuat keputusan apabila mendapat pilihan, menyusun pilihan mengikut keutamaan, susunan pilihan itu bersifat transitif, memilih pilihan yang mampu dicapai mengikut senarai pilihan raya dan membuat pilihan yang ada pada setiap masa semasa berhadapan dengan situasi dan masa yang sama. Perkara ini menunjukkan bahawa seseorang itu akan membanding-bandingkan pilihan yang ditawarkan oleh parti politik yang bertanding dan kemampuan untuk memenangi pilihan raya.

Bagi Colmer (1992) telah melihat bahawa tingkah laku rasional ini berkait dengan faktor ekonomi dan sosial yang berlaku. Hal ini kerana dalam politik, pilihan dilakukan berdasarkan kuasa yang dimiliki oleh parti politik manakala dari segi ekonomi ianya dibuat mengikut keuntungan material yang mampu diberikan kepada pengundi. Disebabkan itu pada PRU-14 dan PRU-15 banyak yang melihat bahawa pemilihan PH dan PN oleh golongan belia disebabkan faktor ekonomi yang berlaku dalam negara dan juga kuasa yang dimiliki belia. Dengan isu-isu ekonomi yang dimainkan oleh pihak lawan seperti GST, 1MDB dan kenaikan harga barangan dan bahan api menyebabkan BN gagal meraih sokongan dalam kalangan rakyat. Tambahan pula, golongan belia di Kedah melihat BN ini bukanlah menjadi parti pilihan mereka pada PRU-15 disebabkan imej yang telah calar dan pemilihan PN dilihat tepat dan kena dengan kemahuan mereka. Selain itu, manifesto disampaikan oleh BN yang tangkap muat menyebabkan keyakinan golongan belia terhadap parti itu semakin berkurang. Hal ini menunjukkan sikap rasional golongan belia dalam memilih sesebuah parti politik yang menawarkan kelebihan dan keuntungan kepada golongan ini adalah penting sekiranya parti itu mendapat mandat.

Kajian Literatur

BN yang tidak pernah kalah sehingga PRU-13 ini telah menjadi Kerajaan Persekutuan selama 61 tahun. Disebabkan tidak pernah kalah dalam pilihan raya, parti ini sukar untuk digugat dan BN merupakan gabungan tiga parti yang mewakili etnik terbesar di Malaysia. Penglibatan awal penubuhan BN ini adalah berdasarkan keputusan penglibatan etnik (Lee, 2007; Isnin et al., 2021). Menurut Lee (2013) UMNO sebagai kuasa yang terbesar dalam parti BN telah menggunakan peluang ini untuk meningkatkan kuasa politiknya dengan mengagih kerusi perundangan Parlimen kepadanya sendiri.

Chin (2018) menyatakan disebabkan kuasa UMNO dalam BN lebih besar berbanding parti komponen lain maka seorang pemimpin parti tunggal memegang kuasa dan kawalan kuat dalam parti itu. Dalam kajian Wei dan Nurulhasanah (2023), kerjasama UMNO bersama MCA dan MIC penting bagi memperoleh sokongan dari kaum Cina dan India. Namun, Gunapathy (2022) telah berpendapat bahawa pasca PRU-15 merupakan pengakhiran era pemerintahan BN di Malaysia. Hal ini juga berpunca dari pemimpin parti itu sendiri yang terlibat dengan isu rasuah sebelum PRU-14 lagi sehingga parti itu dijatuhkan oleh rakyat (Ahmad Johari, 2023).

Tidak dinafikan bahawa parti-parti lain sukar untuk mencapai tahap kegemilangan BN sebagai pemerintah yang unggul. Menurut Mujibu (2009), dominasi BN dalam politik Malaysia berkait rapat dengan politik perkauman, permuafakatan, pecah perintah, pengawalan dan pembangunan sehingga membuatkan parti ini dapat bergerak seiring dengan parti komponen lain.

Sikap feudalisme dalam politik BN khasnya UMNO telah lama berakar umbi dalam parti sehingga merebak kepada parti-parti yang lain. Menurut Amirah & Nazri (2022), amalan feudalisme versi moden ini disadur dalam praktikal lebih kompleks yang dikenali sebagai neofeudal. Perbezaannya adalah feudalisme zaman Kesultanan Melayu Melaka hanya perlu memberi taat setia kepada Sultan sebagai pelindung kepada rakyat jelata manakala untuk versi moden ianya mengubah stigma apabila elit politik memberi taat setia kepada yang berkuasa khususnya UMNO bagi menggantikan Sultan sebagai pelindung bangsa Melayu.

Selain itu, perubahan politik dalam kalangan generasi belia telah lama berlaku sebelum bermulanya PRU-14 lagi. Menurut kajian dilakukan oleh Mujibu (2009) telah melihat bahawa perubahan politik generasi belia berlaku sejak PRU-12. Apabila kuasa BN semakin pudar, beberapa kelompok rakyat Malaysia telah menolak pemerintahan ini termasuk golongan belia. Ong (2013) telah membuktikan bahawa golongan belia dan golongan penduduk bandar menolak kepimpinan kerajaan BN dengan memberi kemenangan kepada Pakatan Rakyat (PR). Perkara ini berbeza bagi kawasan luar bandar kerana BN masih mendapat sokongan penuh dari mereka. Salim (2018) melihat bahawa penduduk di luar bandar lebih cenderung memilih BN kerana kemampuan dan keupayaan parti tersebut dalam menunaikan manifesto pilihan raya.

Amalan konsosiasionalisme/permuafakatan telah dilaksanakan oleh BN-UMNO sepanjang menjadi parti politik yang paling berkuasa di Malaysia. Perkara ini telah diketegahkan oleh Madhi & Hamdan (2021) iaitu merupakan strategi makro-politik tentang ciri-ciri permuafakatan dan perkongsian kuasa di beberapa buah negara demokratik. Teori ini telah diketengahkan oleh Arend Lijphart. Menurut kenyataan Noor Sulastry Yurni (2014) perkara telah berjalan di Malaysia antara tahun 1957 sehingga tahun 1969 berdasarkan empat prinsip yang telah digariskan oleh Arend Lijphart. Antara empat prinsip itu adalah kerjasama antara elit setiap kumpulan melalui sebuah koalisi perdana (grand coalition), perwakilan berkadar (proportional representation) yang menentukan nisbah pengagihan wakil-wakil, autonomi kumpulan dalam mengendalikan isu dan kepentingan setiap kelompok secara eksklusif dan kuasa veto oleh kumpulan minoriti sama ada secara formal atau tidak formal. Hal ini juga membolehkan BN yang ketika itu dikenali sebagai Parti Perikatan memenangi PRU-1, PRU-2 dan PRU-3.

Secara amnya, UMNO akan membangkitkan ketakutan dalam kalangan orang Melayu tentang risiko kehilangan kuasa politik Melayu. MCA, GERAKAN dan MIC pula akan mengimbau memori 13 Mei dalam kalangan masyarakat bukan Melayu bagi menimbulkan kekhuatiran tentang risiko kekacauan dan pertumpahan darah sekiranya kuasa politik Melayu tergugat (Madhi & Hamdan 2021). Permuafakatan ini berjalan untuk tempoh sangat lama sehingga ianya semakin terhakis bermula pada PRU-12 ketika BN berada di bawah kepimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi sehingga PRU itu digelar sebagai 'Tsunami Politik'. Hal ini menyebabkan BN telah kehilangan lima buah negeri. Perkara ini menyebabkan pengaruh BN semakin menghakis sedikit demi sedikit dalam kalangan rakyat. BN hanya memiliki pengaruh dalam kalangan pengundi luar bandar dan ini tidak mampu untuk mengekalkan kuasa BN

sepenuhnya. Oleh itu ketika Dato' Seri Najib Razak mengambil alih pemerintahan dari Tun Abdullah, BN perlu berhempas pulas mengekalkan status quonya pada PRU-13 walaupun pembangkang masih kekal dengan menguasai lima buah negeri yang BN hilang pada PRU-12 (Nadzri 2018; Arif et al. 2021).

Peralihan kuasa ini berjalan dengan lancar dan tidak seperti yang digembar-gemburkan sebelum ini. Zamirul (2021) menyatakan bahawa tidak berlaku tunjuk perasaan atau bantahan daripada golongan yang kuat berpegang kepada aliran Melayu dan Islam terhadap keputusan PRU-14 tersebut. BN kembali seperti Parti Perikatan yang mana hanya ada BN, MCA dan MIC saja dalam gabungan itu (Tawfik 2021; Radzuwan 2021; Madhi & Hamdan 2021). Terdapat pelbagai faktor yang membuatkan parti ini tumbang dalam PRU-14. Antara faktor tersebut adalah kewujudan isu-isu negatif dalam pentadbiran Dato' Seri Najib Razak terutama dalam skandal rasuah, pengubalan wang haram, 1MDB, GST, subsidi dan juga kejatuhan Ringgit Malaysia. Isu kewibawaan dalam kepimpinan Tun Dr. Mahathir yang kembali ke arena politik sehingga mendapat sokongan penuh dari pelbagai pihak, pertandingan tiga penjuror antara BN, PAS dan PH dalam pilihan raya dan kemajuan teknologi dalam perhubungan seperti media sosial yang banyak mempengaruhi masyarakat Malaysia untuk bangkit dan berpartisipasi dalam politik. Menurut Nur Ellyanis & Junaidi (2020b), golongan belia memiliki sifat yang berani untuk berubah dan menyuarakan pendapat. Malahan sifat taat setia kepada sesebuah parti politik itu sudah mencair dalam diri.

Bagi Nizar et al. (2017b), telah melihat bahawa pengundi belia ini sebenarnya lebih cenderung untuk mengundi pemimpin politik yang muda. Selain itu, negara Malaysia ini juga merupakan sebuah negara muda yang mana faktor demografi pengundinya lebih ramai golongan muda. Hal ini menunjukkan pertambahan pengundi belia setiap tahun mampu menentukan kemenangan kepada parti politik tertentu dalam pilihan raya berdasarkan geopolitik dan pengaruh belia itu sama ada mereka berada di kawasan bandar, luar bandar mahupun pedalaman. Oleh itu, Nizar et al. (2017a) menyatakan bahawa pertarungan untuk memenangi hati pengundi belia akan terus berlaku dalam kalangan parti pemerintah dan parti pembangkang. Kelompok pengundi inilah yang akan menentukan penguasaan politik di negara ini kerana bilangan mereka akan meningkat setiap tahun.

Skandal-skandal yang menyelubungi pemimpin BN membuatkan rakyat hilang sabar dan bertindak dalam menjatuhkannya. Apabila isu ini disembunyikan, rakyat sangat marah namun ianya diperkatakan oleh media di luar negara malahan menjadi isu yang besar (Case 2017; Hutchinson 2018). Oleh itu, golongan belia yang aktif dalam media sosial lebih mudah mengakses maklumat berkaitan dengan isu 1MDB dan apabila kemarahan itu tidak dapat dibendung, BN dihukum dalam PRU-14. Kepentingan teknologi dalam perhubungan juga penting setelah negara menuju ke arah globalisasi. Azizuddin (2018) menjelaskan bahawa dalam PRU 2018, media sosial adalah media komunikasi paling dominan bagi para pengundi untuk melibatkan diri dengan parti politik. BN pula pada ketika itu sangat minimal terlibat dalam alam maya kerana bergantung harap kepada media arus perdana (Nadzri, 2018). Dapatan kajian diperoleh Ellyanis dan Junaidi (2020a) telah membuktikan bahawa teknologi maklumat dan perkongsian isu dalam media sosial telah menjadi pemangkin perubahan sosial. Namun begitu, pada pandangan Agus & Mashril (2019), BN juga tumbang disebabkan pengaruh aktor 'soft-intervention' iaitu campur tangan aktor kuasa halus dalam mempengaruhi rakyat untuk menjatuhkan BN.

Dalam politik yang bersifat dinamik, semua kemungkinan boleh berlaku. Krisis politik berlaku pada tahun 2020 telah menyebabkan PH hanya mampu bertahan selama 22 bulan. BN diangkat semula sebagai kerajaan gabungan bersama dengan PAS dan mentadbir negara (Tawfiq, 2021). BN bersama-sama dengan PAS dibawah jenama PN telah diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agong untuk menjadi Kerajaan Persekutuan dan Tan Sri Muhyiddin Yassin dari BERSATU diangkat menjadi Perdana Menteri. Namun, apabila beliau digugurkan maka Dato' Seri Ismail Sabri dari UMNO diangkat menjadi Perdana Menteri dan barisan kabinetnya terdiri daripada pemimpin BN dan PAS (Faiz 2021; Haizir 2022).

Kini, pada pasca PRU-15 sekali lagi BN bergabung dengan PH sebagai Kerajaan Perpaduan. Hal ini kerana, tiada mana-mana parti yang berjaya meraih sekurang-kurangnya 112 kerusi parlimen untuk membentuk kerajaan dengan majoriti mudah. Menurut laporan oleh Suhael (2023) menyatakan bahawa Presiden UMNO iaitu Dato' Seri Zahid Hamidi menegaskan bahawa gabungan BN dan PH membawa manfaat yang besar apabila kestabilan politik berjaya dibentuk di Malaysia. Justeru, sekali lagi BN menjadi Kerajaan Persekutuan hasil gabungan bersama-sama dengan PH.

Metod Kajian Dan Kawasan Kajian

Bagi penulisan artikel ini, penggunaan kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan untuk memantapkan kajian dan seterusnya dapat mengukuhkan perbincangan kajian yang dilakukan. Data kuantitatif merupakan data berangka yang mana penggunaan borang soal selidik digunakan untuk memperoleh maklumat daripada responden yang terpilih. Bagi data kualitatif ianya data yang diperoleh daripada kaedah tidak berstruktur iaitu menerusi temu bual tetapi memiliki skop-skop yang lebih mendalam terhadap sesebuah isu yang dibincangkan. Data kualitatif ini biasanya melibatkan pengalaman hidup seseorang dan diterjemahkan sebagai sumber maklumat bagi menggambarkan realiti yang sebenar. Data kuantitatif dan kualitatif yang digunakan dalam penulisan ini diperoleh dari sumber primer iaitu hasil tinjauan bersama dengan responden dan juga temu bual dengan informan yang terpilih. Data sekunder yang diperoleh ini adalah dengan menggunakan rujukan sekunder bahan-bahan bercetak dan sumber rujukan atas talian iaitu kertas kerja, artikel, buku prosiding dan buku rujukan ilmiah.

Dalam kawasan kajian adalah negeri Kedah yang terlibat lima buah Parlimen terpilih iaitu Parlimen Padang Terap (P007), Parlimen Alor Setar (P009), Parlimen Pendang (P011), Parlimen Jerai (P012) dan Parlimen Baling (P016) (Lihat Rajah 1). Justifikasi pemilihan kawasan kajian ini berdasarkan kedudukan geografi, corak pengundian berbeza-beza dalam kalangan belia sehingga menunjukkan kemenangan parti politik yang berbeza-beza di setiap kawasan. Jenis persampelan digunakan adalah bukan keberangskalian secara sistematik yang mana jumlah responden terpilih adalah sebanyak 1002 orang. Responden terpilih ini adalah golongan belia berusia antara 21 tahun sehingga 40 tahun terdiri daripada pelbagai latar belakang berbeza.



Rajah 1: Peta Lokasi Kawasan Kajian

Sumber: Diubah suai dari Suruhanjaya Pilihan Raya 2018

Hasil Kajian

Profil Demografi

Responden kajian ini terdiri daripada 602 orang lelaki dan 400 orang perempuan. Majoriti responden adalah berusia 26 hingga 30 tahun (32.1 peratus), terdiri daripada pelbagai bangsa namun bangsa Melayu yang mendominasi jumlah ini (49.0 peratus) dan beragama Islam (54.6 peratus). Sebanyak 52.7 peratus responden telah berkahwin manakala responden yang masih bujang adalah 35.1 peratus. Hanya 7.7 peratus adalah duda dan 4.5 peratus berstatus janda.

Responden yang memiliki pendidikan sehingga tahap menengah paling ramai ditemui iaitu sebanyak 58.9 peratus berbanding 35.6 peratus responden yang mendapat pendidikan sehingga ke kolej/universiti. Majoritinya bekerja sebagai kakitangan kerajaan iaitu 31.3 peratus, kakitangan swasta (23.2 peratus) dan petani (13.9 peratus). Dari segi jumlah pendapatan yang diperolehi menunjukkan rata-ratanya adalah RM2001 hingga RM3000 (37.7 peratus). Jumlah responden ditemui di kelima-lima buah Parlimen di negeri Kedah adalah hampir sekata. Profil demografi dalam kajian ini telah diringkaskan seperti Jadual 1.

Jadual 1: Profil Demografi

Latar belakang sosioekonomi responden	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	602	60.1
Perempuan	400	39.9
Status Perkahwinan		
Bujang	352	35.1
Berkahwin	528	52.7
Janda	45	4.5
Duda	77	7.7
Umur		
21-25	207	20.7
26-30	322	32.1
31-35	238	23.8
36-40	235	23.5
Bangsa		
Melayu	491	49.0
Cina	166	16.6
India	113	11.3
Lain-lain	232	23.2
Status Agama		
Islam	547	54.6
Buddha	262	26.1
Hindu	100	10.0
Kristian	93	9.3
Tahap Pendidikan Tertinggi		
Tidak Bersekolah	6	0.6
Sekolah Rendah	49	5.5
Sekolah Menengah	590	58.9
Kolej/Universiti	357	35.6
Pekerjaan		
Kakitangan Kerajaan	314	31.3
Kakitangan Swasta	232	23.2
Kilang	59	5.9
Buruh	10	1.0
Sendiri/Berniaga	98	9.8
Pelajar	58	5.8
Suri Rumah	92	9.2
Petani	139	13.9
Pendapatan Isi Rumah		

< RM 1,000	105	10.5
RM 1,001 – RM 2,000	285	28.4
RM 2,001 – RM 3,000	378	37.7
RM 3,001 dan RM 4,000	141	14.1
> RM 4,001 dan ke atas	93	9.3
JUMLAH	1002	100

Sumber: Kajian Lapangan 2021 & 2022

Faktor Belia Masih Menyokong BN

Walaupun ketahanan dan kekuatan BN tidak lagi seperti sebelum PRU-14, namun begitu masih ramai belia tetap menyokongnya. Hal ini menunjukkan bahawa BN masih memiliki penyokongnya tersendiri walaupun tidak dapat mempertahankan kedudukannya seperti PRU sebelum ini. Perkara ini berlaku kerana masih ada golongan belia yang mempercayai, taksu dan memiliki semangat taat setia kepada BN seperti yang disokong oleh Informan 6:

“Sebab *depa* masih lagi percaya kat BN. Dalam erti kata yang lain *depa* ni masih taksu dengan BN. Benda taksu ni bukan takat orang tua ja, orang muda pun ada. Cuma kita ni tak nampak la sangat *depa* ni menunjuk cara terbuka macam orang-orang tua yang generasi tok, tok wan kita buat.”

(Informan 6, Parlimen Padang Terap, DUN Kuala Nerang, 26 Disember 2021)

Jadual 2: Faktor Belia Masih Menyokong BN

Bil.	Faktor Belia masih menyokong BN	Setuju (%)
1.	Perjuangan untuk menyatukan dan membela hak kaum Melayu.	32.8
2.	Berpengalaman dan berjaya mewujudkan kestabilan politik dan keamanan negara.	32.2
3.	Perjuangan memartabatkan agama Islam.	30.7
4.	Mengenang jasa UMNO terhadap Orang Melayu.	26.4
5.	Membawa pembangunan sosioekonomi.	24.9
6.	Dapat memupuk perpaduan antara kaum.	11.5
7.	Bersikap sederhana dan terbuka.	8.7

Sumber: Kajian Lapangan 2021 & 2022

Berdasarkan Jadual 2, faktor yang menyebabkan BN masih mendapat sokongan adalah kerana parti ini telah menyatukan dan membela hak kaum Melayu di Malaysia (32.8 Peratus). Hal ini menyebabkan BN dilihat masih relevan kerana tetap membela nasib orang Melayu walaupun dalam masa yang sama telah hilang kepercayaan daripada pengundi Melayu sendiri. Namun begitu, untuk indikator ini responden masih melihat bahawa BN sangat sinonim sebagai parti orang Melayu untuk tempoh yang lama. Disebabkan itu terdapat sebahagian kecil daripada mereka masih memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada BN selepas PRU-14 dan PRU-15. Faktor warisan iaitu pengaruh daripada ibu bapa dan masyarakat sekeliling yang

menyebabkan golongan belia ini masih menyokong BN secara berterusan terutamanya belia luar bandar.

Faktor lain membuatkan BN masih lagi mendapat sokongan kerana parti ini memiliki banyak pengalaman dan berjaya mewujudkan kestabilan politik negara (32.2 peratus). Hal ini telah dibuktikan selepas peristiwa 13 Mei 1969 iaitu selepas berakhir PRU-3 yang mana telah terjadinya rusuhan kaum sehingga menjadi titik hitam dalam sejarah Malaysia. Dengan penubuhan Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru (DEB), BN (dahulu dikenali sebagai Parti Perikatan) telah berjaya menyatukan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum untuk sama-sama membangunkan negara. Oleh itu responden yang ditemui ini menyatakan bahawa pengalaman yang telah banyak diperoleh BN semasa mentadbir dilihat telah mencipta kestabilan politik negara memandangkan parti komponen ini sukar untuk diganggu-gugat sebelum PRU-14 berlangsung. Malahan, sepanjang BN menjadi Kerajaan Persekutuan, parti itu telah berjaya membawa Malaysia sebagai sebuah negara yang aman makmur walaupun memiliki pelbagai kaum di dalamnya. Hal ini juga disebabkan permuafakatan antara parti-parti komponen yang lain membuatkan kemakmuran, keamanan dan kestabilan negara ini berada pada tahap yang terbaik seperti yang diketengahkan dalam kajian Madhi & Hamdan (2021).

Faktor seterusnya adalah parti ini telah berjuang memartabatkan agama Islam sepanjang pemerintahannya (30.7 peratus). Disebabkan faktor itu jugalah masih ramai tetap memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi. Agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia perlu dimartabatkan. Oleh itu semasa menjadi Kerajaan Persekutuan parti itu telah menubuhkan Dasar Tahfiz Negara untuk memartabatkan golongan-golongan agamawan ini, menyelaraskan pengurusan pendidikan tahfiz iaitu penghafazan al-Quran dengan seragam sesuai dengan pendidikan arus perdana (JAKIM 2021). Malahan menurut laporan dikeluarkan oleh Helmy (2017) menerusi Berita Harian telah menyatakan bahawa Kerajaan BN amat komited dalam penubuhan ini dan mahukan golongan tahfiz juga memperoleh pendidikan ke peringkat lebih tinggi yang mana UiTM telah menerima pelajar-pelajar lepaskan tahfiz di seluruh negara sebagai permulaan. Kini, dasar itu telah dilancarkan dengan dijenamakan semula sebagai Dasar Pendidikan Tahfiz Negara 2.0 pada 11 Mac 2023. Hal ini menunjukkan bahawa buah fikiran semasa pemerintahan BN ini tetap diteruskan juga demi kesejahteraan dan memartabatkan agama Islam.

Sebanyak 26.4 peratus lagi responden menyatakan bahawa disebabkan mengenang jasa BN terhadap orang Melayu itu membuatkan mereka terus menyokong. Seperti yang kita tahu bahawa orang Melayu masih mementingkan sifat taat setia dan mengenangkan jasa BN selama ini yang banyak menolong mereka. Disebabkan itu, sifat feudalisme ini ada yang masih menebal dalam kalangan orang Melayu itu sendiri. Namun, bagi golongan belia sifat ini sudah mencair seiring dengan peredaran semasa (Nur Ellyanis & Junaidi 2020b). Pembangunan dan permodenan yang banyak berlaku ketika pemerintahan BN membuatkan ada sebahagian dari orang Melayu masih terkenangkan parti itu sehingga mereka sukar untuk menyokong parti lain.

Bagi indikator dalam membawa pembangunan ekonomi telah menunjukkan sebanyak 24.9 peratus responden memilih masih menyokong BN. Hal ini kerana, sepanjang pemerintahan parti itu segala kemakmuran ekonomi telah dirasakan oleh rakyat. Pembangunan ekonomi dilakukan dengan jayanya apabila DEB ditubuhkan dan berjaya merencanakan pertumbuhan ekonomi untuk semua kaum. Ketika keadaan politik negara stabil di bawah pemerintahan BN, banyak pelabur yang masuk ke dalam negara jika dibandingkan kini selepas PH mengambil

alih. Hal ini kerana keadaan ekonomi negara yang tidak stabil boleh menjejaskan peluang pelabur luar untuk membuat pelaburan di dalam negara. Oleh itu, keadaan ini sudah tentu akan memberi kesan kepada ekonomi negara jika kestabilan politik masih lagi lemah. Tambahan pula, untuk mengekalkan kestabilan politik memakan masa yang panjang dan sekiranya tidak diatasi dengan segera ianya boleh memberi kesan keseluruhannya.

Sebanyak 11.5 peratus menyatakan bahawa BN merupakan parti yang berjaya memupuk perpaduan kaum. Hal ini ada benarnya kerana BN yang selama ini bersusah payah membentuk perpaduan kaum dan ianya memakan masa yang lama untuk rakyat Malaysia merasai keharmonian ini. Namun begitu, BN sendiri lebih banyak mengancam perpaduan kaum terutamanya terhadap golongan minoriti semasa mentadbir negara demi kepentingan politik. Antaranya seperti yang dinyatakan oleh Madhi & Hamdan (2021) iaitu pada tahun 2006, Ketua Pemuda UMNO Dato' Seri Hishammuddin Hussein telah menghunus keris sewaktu berucap di dalam Perhimpunan Agung UMNO sehingga ditafsirkan sebagai satu mesej provokasi kepada kaum bukan Melayu. Hal ini menyebabkan golongan minoriti seperti kaum India melakukan protes kerana tidak berpuas hati terhadap Kerajaan BN.

Bagi indikator terakhir adalah sebanyak 8.7 peratus menyatakan bahawa parti ini mengamalkan sikap bersederhana dan terbuka kerana boleh bergaul mesra dengan orang ramai termasuk pemimpinnya. Selain dilihat menjadi parti yang banyak membela bangsa Melayu dan memartabatkan agama Islam, BN dilihat parti yang tidak ekstrem seperti PAS dalam menentukan hala tuju politiknya. Hal ini diakui oleh Fong & Teh (2020) bahawa kepimpinan BN telah berubah ke arah lebih demokratik, melakukan cara semak silang dengan parti komponen lain agar berpolitik ke arah yang lebih sesuai dengan keadaan semasa dan bekerjasama dengan parti-parti lain yang memiliki cara politik yang berbeza dengan BN-UMNO sejak pasca PRU-14.

Perjuangan yang Dibuat oleh BN pada Masa Kini Menuju PRU akan datang

Apabila bercakap tentang PRU akan datang, sudah pastinya parti-parti politik dalam negara ini memiliki strategi untuk bersiap sedia dalam menghadapinya. Hal ini juga penting agar matlamat parti tercapai dan dalam masa yang sama parti-parti politik yang bakal bertanding akan berusaha untuk mencapai kemenangan dalam pilihan raya dan seterusnya menjadi Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, mereka juga akan berjuang semaksima mungkin dengan merancang gerakan-gerakan kerja agar dapat mencapai matlamat yang ingin diperoleh. Perkara ini tidak terkecuali kepada BN kerana parti ini juga memiliki matlamatnya untuk kembali menjadi sebuah parti yang kuat. Parti ini juga sedang berjuang untuk melakukan semula gerak kerjanya sama ada di peringkat dalaman mahupun luaran bagi seiring dengan kehendak semasa. Hal ini juga penting agar imej parti tersebut kembali bersih dan orang ramai khasnya golongan muda dapat memberi kepercayaan kepada parti itu untuk kembali unggul dalam arena politik.

Jadual 2: Perjuangan Yang Dibuat Oleh BN Pada Masa Kini Menuju PRU Akan Datang

Bil.	Pejuangan yang Dibuat oleh BN pada masa kini menuju PRU akan datang	Setuju (%)
1.	Tiada sumbangan terhadap perpaduan antara kaum dan keharmonian negara.	33.5
2.	Memperjuangkan hak semua kaum dengan adil	33.0
3.	Memperjuangkan hak dan menyatukan orang Melayu	32.8
4.	Berusaha menampilkan kepimpinan yang lebih baik	30.9
5.	Dalam proses membersihkan parti daripada elemen korupsi	29.7
6.	Mewujudkan kestabilan politik negara	29.3
7.	Bekerjasama dengan PAS (Muafakat Nasional)	25.9

Sumber: Kajian Lapangan 2021 & 2022

Berdasarkan Jadual 2, sebanyak 33.5 peratus responden menyatakan bahawa parti ini tiada sumbangan dalam perpaduan kaum dan keharmonian negara. Rata-ratanya melihat parti ini lebih banyak memberi tumpuan kepada golongan Melayu walaupun dalam BN turut memiliki parti komponen lain seperti MCA dan MIC yang mewakili kaum Cina dan India. Namun, kerana UMNO yang lebih menonjol maka parti ini dilihat lebih cenderung membela nasib Melayu. Disebabkan itu apabila pemimpin UMNO yang dengan terlibat pelbagai skandal maka, parti komponen BN tidak mengambil peduli mengenai perkara-perkara yang terjadi. Oleh itu, responden melihat tidak sepatutnya perkara ini berlaku kerana BN suatu ketika dahulu merupakan parti yang utuh dan menjaga hubungan sesama kaum namun disebabkan kepentingan politik maka isu perpaduan kaum mula diperkotak-katikkan sehingga mencetuskan kemarahan hampir kesemua masyarakat majmuk di Malaysia. Oleh itu, Junaidi et al. (2023) menyatakan bahawa UMNO dan BN yang digambarkan itu kini sudah lari daripada perjuangan mereka dalam mempertahankan etnik Melayu, agama, bahasa dan budaya mereka.

Sebanyak 33.0 peratus lagi responden melihat parti ini memperjuangkan hak semua kaum dengan adil. Hal ini kerana, sejak PRU-14 lagi BN telah kehilangan sokongan dalam kalangan masyarakat dan parti ini berusaha keras untuk meraih kepercayaan. Kini, parti yang hanya terdiri daripada tiga parti utama iaitu UMNO, MCA dan MIC yang mewakili kaum-kaum utama di Malaysia ini cuba membina imej mereka semula. Tambahan pula, politik perkauman yang diamalkan oleh parti ini ternyata tidak lagi relevan dalam keadaan semasa sebaliknya golongan belia mahukan imej politik yang bersih dan menolak terus politik perkauman. Hal ini sama seperti dinyatakan oleh Madhi & Hassan (2021) melihat PH lebih mengamalkan cara centripetalisme yang mana elemen-elemen perkauman dalam budaya dan amalan politik semakin mencair. Oleh itu, golongan belia lebih tertarik dengan politik diamalkan oleh parti lawan kerana bersifat kompetitif dan berusaha menarik sokongan pelbagai kaum serta memperjuangkan kepentingan bersama.

Untuk indikator memperjuangkan hak dan menyatukan orang Melayu pula telah memperoleh 32.8 peratus. Hal ini kerana, UMNO sinonim dengan parti Melayu masih lagi dilihat sebagai parti yang boleh menyelamatkan bangsa itu dari terus berpecah. Sejak pasca PRU-14 lagi perpecahan orang Melayu boleh dilihat sangat ketara. Walau bagaimanapun, perkara ini turut berpunca dari BN dan UMNO sendiri yang mengamalkan politik perkauman juga mengamalkan dasar pecah dan perintah (Madhi & Hamdan 2021). Oleh itu, tidak mustahil ramai sudah bosan dengan cara lapuk ini. Bagi golongan belia, cara berpolitik yang diamalkan oleh BN-UMNO sudah tidak kena dengan aspirasi dan inspirasi yang dimahukan oleh mereka.

Seterusnya pula adalah tentang BN dalam proses untuk membersihkan parti daripada elemen korupsi menunjukkan sebanyak 29.7 peratus. Seperti kita tahu bahawa amalan politik wang yang dilakukan oleh BN membuatkan rakyat sudah berasa bosan dan mengharapkan perubahan akan berlaku dalam parti itu. Oleh itu sekiranya BN mahu meraih kepercayaan semula dari masyarakat, mereka perlu melaksanakan pembersihan dengan lebih giat jika mahu memenangi PRU yang akan datang. Weiss (2022) telah melihat pada PRU-14 orang ramai telah menolak pemerintahan Najib kerana pemimpin itu terpalit dengan kontroversi 1MDB dan sekiranya mahu memenangi PRU yang akan datang parti itu perlu melakukan pembersihan dari dalam. Namun begitu, bermula dengan lantikan Dato' Seri Dr. Zahid Hamidi sebagai Presiden UMNO telah mula wujud kepincangan dalam UMNO dan BN sendiri seolah-olah tersalah percaturan semasa menghadapi PRU-15.

Dalam mewujudkan kestabilan politik negara adalah sebanyak 29.3 peratus. Seperti yang kita tahu sejak akhir-akhir ini setelah PH menjadi Kerajaan Persekutuan, kestabilan politik negara masih lagi berada pada tahap yang lemah. Krisis politik yang berlaku, kesan penularan virus COVID-19 dan pasca PRU-15 juga boleh dilihat bahawa PH sukar untuk mengekalkan kestabilan politik negara. Dengan isu-isu yang timbul di bawah PH seperti isu perkauman, peningkatan harga barangan, penarikan subsidi, peningkatan harga bahan api dan isu sampingan lain menyebabkan PH menerima kritikan yang hebat. Contohnya isu kematian ahli bomba Muhammad Adib Mohd Kassim yang sedang bertugas semasa insiden rusuhan di Kuil Seafield di Subang Jaya pada tahun 2018 yang mana suspek-suspeknya telah dibebaskan (Tawfiq, 2021). Oleh itu, isu-isu sebegini tidak pernah timbul semasa pemerintahan BN sebagai kerajaan. Malahan semasa penularan COVID-19, pemimpin BN dapat menguruskan permasalahan ini dengan lebih baik sehingga menerima pujian dari orang ramai.

Bagi indikator terakhir yang diperoleh sebanyak 25.9 peratus merupakan kerjasama antara BN dan PAS yang membentuk Muafakat Nasional (MN). Kerjasama ini tidak mengejutkan kerana UMNO dan PAS pernah bekerjasama sebelum ini pada tahun 1970-an sebelum terubuh pada tahun 1977 (Yasmin 2019). Namun begitu, penubuhan MN dilihat tidak kena dengan waktunya dan dianggap untuk menyelamatkan politik masing-masing dari karam disebabkan keadaan krisis politik negara yang berlaku ketika itu. Namun, sebahagian penduduk luar bandar dan orang Melayu amat menyetujui cadangan ini kerana mampu untuk menyatupadukan politik orang Melayu yang telah terpecah sehingga menjelang PRU akan datang. Akhirnya, MN ini telah terubuh apabila Presiden PAS memilih untuk bersama dengan BERSATU lalu membentuk PN (Suzalina, 2022). Perkara ini sudah dijangka kerana kedua-dua parti itu memiliki ideologi yang berbeza dan susah untuk kekal bekerjasama. Malahan ianya dianggap sebagai sandiwara dalam berpolitik seperti mana anggapan oleh Informan 2:

“Muafakat Nasional ni sandiwara saja dan tengok la lepas ni *depa* pun akan bawa haluan sendiri bila rasa terancam. Tengok la dulu masa PAS bergabung dengan UMNO tapi bawa haluan masing-masing bila ideologi politik *depa* tak kena. Macam yang kita semua tau PAS dengan UMNO ni susah la nak duduk sekali.”

(Informan 2, 09 Mei 2020, Parlimen Jerai, DUN Gurun)

Kesimpulan

Kesimpulannya, sokongan belia terhadap BN semakin pudar disebabkan isu-isu yang timbul sebelum pasca PRU-14 lagi. Imej BN ini dilihat sukar untuk dipulihkan sekiranya parti ini masih lagi mengekalkan amalan lapuk yang tidak relevan dengan zaman globalisasi. Namun begitu, masih ada yang menyokong BN kerana parti ini telah banyak membuat jasa kepada mereka sepanjang enam dekad dan menyatupadukan orang Melayu dari berpecah. Hal ini menunjukkan sekiranya BN mahukan kegemilangan pemerintahan itu kembali seperti dahulu BN perlu giat melaksanakan gerakannya bagi memulihkan imej agar sentiasa relevan sepanjang masa, kuat dan menjadi pilihan golongan belia dan orang Melayu terutamanya mereka yang berpendidikan tinggi dan tinggal di bandar kerana golongan ini lebih terdedah dengan sumber maklumat yang pantas. Tambahan kini, dengan keadaan politik yang tidak stabil sedikit sebanyak membuatkan masyarakat mengharapkan mana-mana parti politik dapat mengatasi isu-isu yang timbul dan permasalahan yang berlaku demi kebaikan negara dan rakyatnya juga mengira latar belakang.

Penghargaan

Beberapa penemuan dalam artikel ini sebahagiannya berdasarkan tesis Doktor Falsafah pengarang pertama.

Rujukan

- Abdul Salim Tajuddin. (2018). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kepercayaan Pengundi Melayu Terhadap BN di Kawasan Utara*. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Johari Mohd Ali. (2023) Zahid lepas tanpa bebas 47 tuduhan rasuah, pecah amanah Yayasan Akalbudi. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077099/kenapa-umno-bn-memilih-bersama-ph-pasca-pru15>.
- Ahmad Suhael Adnan. (2023). Kenapa UMNO-BN memilih bersama PH pasca PRU-15. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077099/kenapa-umno-bn-memilih-bersama-ph-pasca-pru15> pada 8 Julai 2024.
- Ariff Aizuddin Azlan, Shahidah Abdul Razak & Zouhair Mohd Rosli. (2021). Gelagat berparlimen pasca-rejim autoritarian: Satu tinjauan awal dalam Politik Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 49-59. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1017>.
- Amirah Ruzanah Abdullah & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2022). UMNO dan politik identiti pasca PRU-14, 2018-2022. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1-14.
- Case, W. (2017). Stress Testing Leadership in Malaysia: The 1MDB Scandal and Najib Tun Razak. *The Pacific Review*, 30(5), 633-654.
- Chin, H. W. (2018). Constituency delimitation and electoral authoritarianism in Malaysia. *Commonwealth Journal of International Affairs*, 107(1), 67-80.

- Downs, A. (1957). An Economic Theory of Political Action in a Democracy. *Journal of Political Economy*. 65(2), 135–150.
- Faiz Zainudin. (2021). BN names Ismail Sabri as its candidate. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/08/18/bn-names-ismail-sabri-as-its-pm-candidate/>.
- Fong, J. W. K. & Teh, B. C. G. (2020). Post UMNO-BN era: Electoral authoritarianism and the change of regime in Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 224-234.
- Gan, P. S. & Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2015). Pengaruh Media Massa ke atas Penglibatan Politik Belia Cina. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 16(6), 163-189.
- Gunapathy, K. (2022). ‘End of an era’ for Malaysia's Barisan Nasional, after corruption issues hurt candidates at GE15: Analysts. *Channel News Asia*. <https://www.channelnewsasia.com/asia/malaysia-ge15-end-era-barisan-nasional-3087531>.
- Haizir Othman. (2022). Hubungan UMNO-PAS sejak 1977. *Sinar Harian Online*. <https://pru.sinarharian.com.my/info-berita/5518/hubungan-umno-pas-sejak-1977>.
- Helmy Abd Rahman. (2017). BN komited terus martabatkan Islam. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/420943/bn-komited-terus-martabatkan-islam>.
- Hutchinson, F. E. (2018). Malaysia's 14th General Elections: Drivers and Agents of Change. *Asian Affairs*, 49(4), 582-605.
- Informan 2 (Bekas AJK UMNO Cawangan Yan). (2020). Tingkah laku dan sentimen politik belia pasca Pilihan Raya Umum ke-14 di Negeri Kedah Darul Aman. Temu bual 09 Mei.
- Informan 6. (2020). Tingkah laku dan sentimen politik belia pasca Pilihan Raya Umum ke-14 di Negeri Kedah Darul Aman. Temu bual 26 Disember.
- JAKIM. (2021). *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara*. Putrajaya: Penerbit Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Lyndon, N. & Aajirah Hanim Abdul Halim. (2023). Identiti sosial dan tingkah laku pengundi dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Kedah 2023. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. 8(34), 65-81.
- Junaidi Awang Besar et al. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis ‘tsunami politik bandar’. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*. Vol 10 ‘Edisi Istimewa: The Social Dynamics of Malaysian Political Landscape with Special Reference to the 13th General Elections, 28-38.
- Madhi Hassan & Hamdan Mohd Salleh. (2021). PRU-14: Berakhirnya era kegemilangan konsosiasionalisme. *Selangor Humaniora Review*, 4(1), 303-318.
- Mohammad Agus Yusoff & Muhammad Mashril Abdul Jalil. (2019). Pengaruh campur tangan halus dalam PRU-14. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 42(6), 178-198.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2018). Battle royale on social media in the 2018 general election in Malaysia. *Asian Politics & Policy*, 10(3), 556-560.
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Marlisa Abdul Rahim. (2017a). Kerelevanan Calon Muda Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. *The 2nd International Conference on Communication, Media, Information Technology, Environment, Tourism, Politics, Arts and Heritage*. Conference Proceeding.
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Marlisa Abdul Rahim. (2017b). TN50 Generasi Muda: Suara Kepimpinan Masa Hadapan. *The International*

Seminar on Islam, Culture and Heritage: Socio-Political and Economic Issues (ISICH 2017), Universiti Utara Malaysia, (1), 1-5.

- Mohammad Tawfiq Yaakub. (2021). New political norm in Malaysia post 14th General Election: An analysis of how the losing parties form a government and the winning parties become the opposition. *International Journal of Social Science Research*, 3(1), 34-44.
- Muhammad Marwan Muhammad Shukrimun & Supyan Hussin. (2022). Tingkah laku pengundian etnik Melayu Pada Pilihan Raya Umum Ke-14. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 19(1), 248-261.
- Mujibu Abd Muis. (2009). Politik permuafakatan: Satu analisa terhadap amalan politik di negara-negara bermasyarakat majmuk. *Voice of Academia: Academic Series*, 4(2).
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2018). The 14th General Election, the Fall of Barisan Nasional, and political development in Malaysia, 1957–2018, *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 139–171.
- Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2014). *Hegemoni budaya politik Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar. (2020a). Pengaruh media terhadap sokongan parti politik di Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(5), 62-80.
- Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar. (2020b). Politik Belia dan Pilihan Raya Umum Ke-14 di Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(7), 49-65.
- Ong. K. M. (2010). Pakatan Rakyat: What is different this Time? *The Round Table*, 99(407), 141-152.
- Saiyid Radzuwan Syed Sopi. (2021). Pakatan Harapan dan senario politik Kelantan: Analisis pengajaran politik pasca PRU 14 (2018-2020). *e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 8(1), 25-55.
- Suzalina Halid. (2022). PAS pilih Perikatan Nasional. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1011849/pas-pilih-perikatan-nasional>.
- Tuan Buqhairah Tuan Muhamad Adnan. (2022). Lebih sejuta belia usia 18 hingga 20 tahun mengundi kali pertama. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/226836/berita/nasional/lebih-sejuta-belia-usia-18-hingga-20-tahun-mengundi-kali-pertama#google_vignette
- Wei, K. H. & Nurulhasanah Abdul Rahman. (2023). Menambat semula hati dan minda pengundi: pemasaran politik dalam Pilihan Raya Umum. *Malaysia. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(7), 1-14. DOI: 10.47405/mjssh.v8i7.2414.
- Weiss, M. L. (2022). *Malaysia's 15th General Election: Tracking a shifting partisan landscape*. RSIS Commentary: S. Rajaratnam School of International Studies, (112), 14-16.
- Yasmin Ramlan. (2019). Zahid: Ini kesinambungan kerjasama era Tun Razak. *MalaysiaKini*. <https://www.malaysiakini.com/news/491942>.